

Isu air: PM sahkan hantar surat kepada Chok Tong

UM 15 OCT 2002

KUALA LUMPUR 14 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan beliau menghantar sepucuk surat kepada Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong supaya isu air dipisahkan daripada pakej rundingan isu-isu dua hala yang belum selesai.

“Saya tulis surat kata kita nak asingkan soal air kerana dok (asyik) terbungkalai (rundingan),” katanya mengulas kenyataan Chok Tong mengenai perkara itu Jumaat lalu.

Semakan

Perdana Menteri ditemui pemberita selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Chok Tong dalam sesi pertemuan dengan Dr. Mahathir di sini baru-baru ini berkata, republik itu pada prinsipnya tidak menentang semakan harga air melebihi 3 sen tetapi perlu ada asas bagi harga baru.

Bagaimanapun sekembalinya ke Singapura, beliau menafikan telah memberi persetujuan bagi menyemak harga air yang dibekalkan ke Singapura.

Tegas Chok Tong: “Pasti terdapat salah faham di pihak Dr. Mahathir. Beliau mungkin telah diberi maklumat salah.

“Ketika saya menemui beliau di sana (Kuala Lumpur), saya bersetuju ke atas semakan harga air mentah di dalam perjanjian air yang ada sekarang jika ia dilakukan sebagai sebahagian

an daripada keseluruhan pakej.”

Menurutnya, permintaan dalam surat Dr. Mahathir bertarikh 7 Oktober yang diterimanya itu sedang dikaji dan Singapura akan memberi jawapannya.

Asas

Malaysia menyuarakan permintaannya untuk menyemak harga Perjanjian-Perjanjian Air 1961 dan 1962 yang seharusnya dilakukan pada 1986 dan 1987.

Bagaimanapun Singapura menegaskan Malaysia tidak mempunyai asas perundangan untuk melakukannya tetapi bersedia menimbang dengan syarat ia dihuraikan sebagai sebahagian pakej.